

KAJIAN FEKUNDITI DAN TABIAT PEMBIAKAN IKAN LAMPAM
SUNGAI (*Puntius schwanenfeldii*) DI SUNGAI
PETANG, TASIK KENYIR

YUSRI B. MOHD YUSOF

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
TERENGGANU
1996

**KAJIAN FEKUNDITI DAN TABIAT PEMBIAKAN IKAN LAMPAM SUNGAI (*Puntius
schwanenfeldii*) DI SUNGAI PETANG, TASIK KENYIR.**

Oleh :

Yusri b. Mohd Yusof
(32092)

Laporan ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan Ijazah Bachelo
Sains Perikanan

Fakulti Perikanan Dan Sains Samudera
Universiti Pertanian Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu
1996

0200003677

1100023946

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu syukur ke-hadrat Allah s. w. t. kerana dengan izinnya dapat saya menyiapkan laporan projek tahun akhir ini. Sesungguhnya tiada batasan waktu dan tiada tempat Mu tertentu. Di gunung di rimba, di darat di air siapa pun hamba. Siapalah aku tanpa Mu yang menzahirkan impian.

Kepada mok dan ayoh, terima kasih di atas kesabaran dalam mendidik kita dan di atas segala sokongan moral dan material. Setinggi ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Azmi b. Ambak, selaku penyelia diatas segala tunjuk ajar yang diberikan.

Juga ribuan terima kasih kepada semua staf terutamanya En. Manaf, En. Alkisah, En. Rashid, En. Mohd Noh, En. Wahid, Ku Kassim, Sukree dan kepada mereka yang turut memberikan kerjasama dan buah fikiran dalam pembikinan projek ini. Tak lupa kepada semua rakan-rakan yang turut membantu dan memberikan sokongan moral dan material. Kepada Man Tua, Cendoi, Ayih, Mat Jepp dan Jas, hutang emas boleh aku bayar, hutang budi di bawa mati. Kepada penghuni No. 9, Taman Telipot, bersama selamanya. Kepada semua rakan coursemate, terima kasih atas pertolongan yang diberikan. Kepada Virago, terima kasih kerana menjadi inspirasi ku. Akhir sekali kepada Giang, terima kasih kerana tidak berputus asa.

Yusri Mohd Yusof

Abstrak

Fekunditi adalah penting dalam kajian populasi sesuatu spesis. Fekunditi merupakan salah satu kajian yang penting bagi melihat kesinambungan sesuatu spesis. Fekunditi dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk faktor intrinsik dan ekstrinsik. Dari kajian yang dijalankan dapat dilihat terdapat perhubungan yang rapat diantara fekunditi dan saiz ikan. Perhubungan fekunditi dengan panjang badan bagi *Puntius schwanenfeldii* boleh dikaitkan dengan persamaan $F = 0.3848L^{3.408}$ manakala persamaan log pula ialah $\ln F = \ln 0.3848 + 3.408 \ln L$. Nilai r yang diperolehi ialah 0.8910. Persamaan fekunditi dengan berat pula boleh dikaitkan dengan menggunakan persamaan $F = 688.833L^{0.665}$. Hubungan fekunditi panjang adalah lebih bererti jika dibandingkan dengan berat. Penentuan musim pembiakan menggunakan indeks GSI (Gonadosomatik indeks) mendapati *Puntius schwanenfeldii* matang dan mula membebaskan telur pada bulan September dan membebaskan telur sepenuhnya (melempi peringkat kematangan) pada bulan November sebelum melalui peringkat kematangan semula pada bulan Disember. Ini dapat dijelaskan dengan melihat naik turun nilai GSI bulanan. Nilai K_n (faktor keadaan) menunjukkan ikan berkeadaan paling baik pada bulan November. Dianggapkan ikan pada bulan ini bersaiz paling baik. Ikan yang bersaiz besar akan menghasilkan telur dengan lebih banyak. Perhubungan fekunditi purata dengan berat gonad menunjukkan terdapat perkaitan antara berat gonad dengan fekunditi. Analisis regrasi menunjukkan perkaitan yang rapat antara kedua-duanya dimana nilai r adalah 0.9777. Analisis anova schala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara diameter telur dalam satu gonad ikan.

Abstract.

Fecundity is an important aspect in the study of the population dynamics of a species. It is influenced by various factors, including the intrinsic and extrinsic factors. We know that there is a relationship between fecundity and the size of fish. The relationship between fecundity and the length of *Puntius schwanefeldii* can be related by the formula $F = 0.3848L^{3.408}$. The log equation is $\text{Ln } F = \text{Ln } 0.3848 + 3.408 \text{ Ln } L$. The value of r that is gained is 0.8910. The equation between fecundity and weight can be related by another formula, $F = 688.833L^{0.665}$. The relationship between fecundity and length is more significant than relationship between fecundity and weight. The resolution of the reproduction using the GSI (Gonadosomatik index) index found that *Puntius schwanefeldii* become mature and started to breed in September and they are fully matured in November before entering the maturity stage again in Desember. This can be explained by looking at the change of GSI monthly value. The value of K_n (condition factor) showed that fish was in the best condition on November. It was assumed that the fish in this month is in the optimum condition. The bigger the fish is, the more eggs it will produce. The relationship between the average fecundity and gonad weight showed that there was a correlation between the weight of the gonad and fecundity. The regression analysis showed a close correlation between them, where the r value is 0.9777. The analysis of variance (one way Anova) showed that there was a difference between the diameter of the eggs in a single gonad.